

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEEMPAT  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : TUAN RAMKARPAL SINGH A/L  
KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]**

**TARIKH : 30 SEPTEMBER 2021 (KHAMIS)**

**SOALAN**

**TUAN RAMKARPAL SINGH A/L KARPAL SINGH [ BUKIT GELUGOR ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada Kerajaan komited dan bercadang untuk memperkenalkan undang-undang bagi mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada dua penggal sahaja dan juga Undang-Undang Anti-Lompat Parti di Parlimen seperti yang dicadangkan oleh Kerajaan Perikatan Nasional sebelum ini.

**JAWAPAN**

**YB DATO' SRI DR. HAJI WAN JUNAIDI BIN TUANKU JAAFAR,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI  
(PARLIMEN DAN UNDANG-UNDANG)**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Pengenalan Rang Undang-Undang Anti-Lompat Parti merupakan salah satu Agenda Transformasi Kerajaan yang bertujuan memastikan reformasi dan pembaharuan dalam pentadbiran Kerajaan. Kerajaan komited untuk memastikan Rang Undang-Undang yang akan digubal ini dapat melindungi hak rakyat negara ini yang memberi undi serta kepercayaan tinggi kepada ahli politik ketika proses pilihan raya dan memastikan sistem demokrasi berparlimen yang efektif.
2. Bagi maksud perkara ini dan dengan mengambil kira kewajaran

untuk pembentangan dilaksanakan secepat mungkin, Kerajaan tidak akan berkompromi terhadap keperluan untuk sesi libat urus yang menyeluruh diadakan bersama pihak berkepentingan, badan bukan Kerajaan, ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta rakyat agar Rang Undang-Undang baharu yang diperkenalkan mendapat sokongan semua pihak. Kerajaan akan memastikan cadangan dan input semua pihak berkepentingan termasuk daripada ahli Parlimen Kerajaan dan Pembangkang serta badan bukan Kerajaan diperhalusi dan dipertimbangkan melalui sesi libat urus yang menyeluruh sebelum menetapkan hala tuju dan parameter gubalan undang-undang ini.

3. Antara kandungan di dalam Memorandum Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik termasuklah juga cadangan bagi mengehadkan tempoh jawatan Perdana Menteri kepada 10 tahun sahaja. Memandangkan ia merupakan satu pindaan kepada Perlembagaan Persekutuan, adalah penting satu kajian yang teliti dan menyeluruh perlu dilaksanakan terlebih dahulu sebelum Kerajaan membentangkan cadangan pindaan tersebut di Parlimen.

4. Ini adalah untuk memastikan Rang Undang-Undang ini sebaiknya tidak bertentangan dengan Perlembagaan Persekutuan atau undang-undang lain yang berkuat kuasa termasuk di peringkat negeri. Dalam perkara ini, Jabatan Perdana Menteri sedang bekerjasama dengan Jabatan Peguam Negara untuk mengkaji penyediaan undang-undang bagi menangani isu lompat parti. Kerajaan memberi jaminan bahawa RUU ini yang termasuk di dalam Perjanjian Persefahaman Transformasi dan Kestabilan Politik akan dilaksanakan.

Sekian, terima kasih.